



Headline: RM9.5 juta rugi ditipu sindiket Macau Scam- Language: Malay
Johor

Publication/Portal: Kosmo
Date: 20 April 2022

Section: Negara
Page: 8

Kes tipu di Johor meningkat ketara, rekod 209 kes **RM9.5 juta rugi ditipu sindiket Macau Scam**

Oleh **KHAIRUL MOHD. ALI**

JOHOR BAHRU – Kes penipuan macau di negeri ini mencatatkan peningkatan tahun ini apabila merekodkan sebanyak 209 kes membabitkan kerugian berjumlah RM9.5 juta sehingga semalam.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Johor, Asisten Komisioner Amran Md. Jusin berkata, bilangan itu meningkat ketara berbanding 90 kes dengan kerugian RM2.8 juta dicatatkan dalam tempoh sama tahun lalu.

“Sindiket Macau Scam menggunakan helah dengan menyamar sebagai anggota polis, pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri

ataupun ejen insurans,” katanya dalam kenyataan semalam.

Menurut Amran, mengikut modus operandi, mangsa akan dimaklumkan mereka mempunyai tunggakan cukai dan diarah menghubungi nombor lain yang didakwa anggota penguat kuasa.

Mangsa kemudian diminta memberikan butiran berhubung akaun bank dan nombor Kod Pengesahan Transaksi (TAC) bagi urusan pemindahan wang.

“Semua wang yang dipindahkan akan dikeluarkan sindiket menerusi perbankan internet tanpa pengetahuan mangsa,” kata beliau.


Amran menasihati orang ra-

mai supaya mengikuti tip yang disediakan bagi mengelakkan diri daripada menjadi mangsa penipuan sindiket macau scam.

Antara tip tersebut adalah dengan mengabaikan dan tidak melayan panggilan telefon daripada individu yang tidak dikenali, tidak mendedahkan maklumat perbankan kepada mana-mana pihak dan jangan panik.

“Ini kerana pihak polis tidak menjalankan siasatan melalui panggilan telefon,” katanya.

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat berkaitan penipuan macau dengan menghubungi mana-mana saluran polis disediakan.



SINDIKET Macau Scam memperdaya mangsa melalui panggilan telefon dengan menyamar sebagai anggota polis sebelum melesapkan wang. – GAMBAR HIASAN